



HOSPITAL BANTING

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA



Sebutharga adalah dipelawa kepada pembuat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bertaraf **Bumiputera** di bawah kod bidang **020301** dan masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini untuk menjalankan perkhidmatan tersebut serta masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :-

No. Sebut Harga : **HBTG(SH) 16/2017**
Tajuk Sebut Harga : **TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKALKAN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAHKAN PERALATAN PENGHAWA DINGIN DI UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL BANTING.**

Tarikh Buka Iklan : **04 OGOS 2017(JUMAAT)**

Tarikh Tutup Iklan : **15 OGOS 2017(SELASA)**

Tarikh, Masa Lawat Tapak & Lokasi(**Wajib**) : **09 OGOS 2017(RABU)@ 10.00 PAGI**
BILIK MESYUARAT, BLOK PENTADBIRAN, HOSPITAL BANTING

Sila bawa bersama **SIJIL ASAL** beserta sesalinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan dan cop syarikat semasa pengambilan dokumen sebut harga dan lawatan tapak. Hanya penama di dalam Sijil Kementerian Kewangan yang boleh mengambil dokumen sebut harga dan menghadiri lawat tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan kepada pegawai selain daripada penama yang dibenarkan di dalam sijil.

1. Sebarang Pertanyaan :
Pn. Hazlinda binti Selamat - **03-31871333 sambungan 205**
Pn. Rose Aiada binti Abdullah - **03-31871333 sambungan 216**
2. Penyerahan dokumen sebut harga dikemukakan **SECARA MANUAL – Peti Sebut Harga**
3. Semua dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Nombor Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga** (ditulis dibahagian atas sebelah kiri) dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Bahagian Pengurusan, Unit Perolehan, Hospital Banting, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada **15 Ogos 2017 (Selasa) jam 12.00 tengah hari**. Tawaran sebut harga yang dikemukakan lewat dari tarikh dan masa tersebut seperti mana arahan sebut harga **TIDAK** akan dipertimbangkan.
4. Syarikat perlu mengemukakan tawaran harga dan tawaran teknikal dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri pada tarikh tutup sebut harga pada **15 Ogos 2017**.
5. Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal *hendaklah mengambil* perhatian bahawa setiap transaksi melalui Sistem ePerolehan akan dikenakan Harga Fi-Perkhidmatan 0.8% @ 0.4% - Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi Perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perperatus lapan peratus (0.8%) dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; **atau**
Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (multiple payment) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi Perkhidmatan sebanyak kosong perperatus empat peratus (0.4%) dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.
6. **Tempoh sah laku** sebut harga adalah selama **90 hari** dari tarikh sebut harga ditutup.